

Kuasai ilmu bela

UM 22 APR 2002

Daripada SIRAJUDDIN RAFIA

MANAMA (Bahrain) 21 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan seluruh umat Islam bahawa mereka boleh ditimpa nasib yang sama seperti rakyat Palestin jika terus mengabaikan keperluan untuk menguasai ilmu-ilmu moden setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Perdana Menteri menegaskan, sepatutnya umat Islam menganggap ilmu sebagai satu kuasa dan sebarang kegagalan untuk menguasainya akan menyebabkan mereka terus ketinggalan dan tidak berupaya membela bangsa seagama yang lain.

Sehubungan itu Dr. Mahathir menganggap dunia Islam kini telah berdosa kerana kegagalannya untuk mempertahankan ummah dan agama Islam seperti yang berlaku di Palestin sekarang, di Bosnia-Herzegovina dan di Asia Selatan dan Afrika.

"Kita mungkin telah menunaikan segala ibadah, tetapi kita masih lagi terpaksa membayar dosa-dosa itu di dunia ini dan di akhirat kelak," tegas beliau.

Beliau berucap demikian pada Persidangan Antarabangsa ke-31 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan-Pertubuhan Pembangunan dan Latihan (IFTDO) di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Teluk di sini malam ini.

Persidangan yang dianggap berprestij di dunia itu dirasmikan oleh Perdana menteri Bahrain, Sheikh Khalifa Bin Salman Al-Khalifa dan Dr. Mahathir telah diberi penghormatan menyampaikan ucapan utama.

Dr. Mahathir dalam ucapannya

lullah mengandungi panduan yang lengkap untuk kehidupan di dunia dan akhirat dan satu daripada panduan yang penting dibawa oleh al-Quran itu mengenai menimba ilmu.

Para cendekiawan Islam atau ulama di zaman silam mematuhi kehendak ini dengan mempelajari dan menghayati kehidupan sekeliling selain belajar dan mengumpul-

bertajuk 'Kuasa Ilmu Dalam Era Baru' itu berkata, sejak kejatuhan Empayar Ottoman dulu lagi umat Islam telah tidak berupaya untuk mempertahankan diri mereka sendiri.

"Lihatlah apa yang berlaku di Palestin sekarang. Kita terus-terusan mengemis kepada dunia kerana kita tahu kita lemah dan tidak dapat mempertahankan ummah, mempertahankan Islam," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, di kalangan negara-negara maju sekarang tidak ada sebuah pun negara Islam melainkan merupakan negara membangun yang sentiasa bergantung kepada belas ehsan orang-orang bukan Islam.

Amat menyedihkan

"Adakah ini yang dikehendaki oleh Islam," tanya beliau.

Menurut Perdana Menteri, di Bosnia-Herzegovina, Rusia, Asia Selatan dan Afrika umat Islam tidak dapat mempertahankan diri mereka.

Ini menurutnya amat menyedihkan tetapi dalam pada itu umat Islam juga sepatutnya menyalahkan diri sendiri.

"Agama kita mengajar kita supaya bersedia untuk mempertahankan diri, tetapi dengan menolak ilmu yang diperlukan bagi membolehkan kita mematuhi petunjuk Allah s.w.t. kita tidak mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian (mempertahankan diri).

"Jadi kita juga memang bersalah dan saya ingin mengatakan bahawa kita juga telah berdosa," ujar beliau.

Dr. Mahathir memberitahu lebih 1,000 orang peserta persidangan itu bahawa banyak umat Islam kini

kan ilmu-ilmu yang terdapat sebelum itu daripada orang-orang Greek, Parsi dan China.

Dan pada ilmu yang diperoleh itu, mereka dapat menyumbangkan ilmu-ilmu dan pengetahuan baru yang membawa kepada perkembangan dan kemajuan tamadun Islam.

"Orang-orang Eropah dan lain-

menganggap sebagai mustahil bagi dunia Islam untuk mengejar dan mengatasi mereka yang sudahpun jauh ke hadapan dalam menguasai ilmu moden ini.

"Tetapi ini adalah sikap mereka yang sudah mengaku kalah dan mereka gagal bertindak sebagai penganut yang baik dan Khalifah Allah," tegasnya.

"Sedangkan kita boleh buat apa yang orang lain boleh buat jika kita bergerak dalam satu barisan dan melaksanakan kepandaian kita," tambahnya disambut dengan tepukan gemuruh para hadirin.

Malah Perdana Menteri berkata, umat Islam tidak perlu menjadi seorang yang tidak beriman atau atheis sebaliknya mampu memperseimbangkan keperluan di dunia dan di akhirat.

"Malah di dalam setiap doa, kita memohon supaya kita dikurniakan hassanah (kejayaan, kecemerlangan dan keagungan) di dunia dan di akhirat, bukan di akhirat sahaja," tambahnya.

Sebelum itu, Dr. Mahathir telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai perkembangan ilmu di zaman silam dan sejarah tamadun dunia yang kesemuanya berasal-usul daripada tamadun Islam.

Beliau berkata, sejarah dunia telah membuktikan bahawa ilmu memainkan peranan utama dalam pembentukan sebuah tamadun yang kuat.

Kata Dr. Mahathir, apabila orang-orang Arab Jahilliah memeluk Islam dan mempelajari ilmu maka bermulalah satu tamadun baru yang penuh dengan keagungan dan kemegahan selama lebih 1300 tahun.

Al-Quran yang dibawa oleh Rasu-

lain mula datang berpusu-pusu ke pusat pendidikan Islam untuk mendapatkan ilmu daripada para cendekiawan Islam tersebut. Malah, Kebangkitan Eropah tidak mungkin berlaku tanpa merujuk ilmu-ilmu Islam yang terdapat di Cordoba, Baghdad, Kaherah dan lain-lain," katanya.

bangsa seagama